

Agong Berkenan Berangkat Saksi Perlawanan Akhir Bola Sepak

Bernama

Jun 22, 2014

BANGI, 22 Jun (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah berkenan berangkat menyaksikan perlawanan akhir bola sepak Piala Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah 2014 di Stadium Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) di sini, Ahad.

Perlawanan akhir itu menyaksikan pertemuan antara pasukan 14 Rejimen Askar Melayu Diraja (RAMD) Mekanis berpangkalan di Gemas, Negeri Sembilan dengan pasukan 19 RAMD Mekanis yang berpangkalan di Sungai Petani, Kedah yang juga merupakan naib juara pada tahun lepas.

Turut hadir menyaksikan itu, Pengerusi RAMD, Leftenan Jeneral Datuk Seri Zulkiple Kassim dan Naib Canselor UKM Prof Datuk Dr Noor Azlan Ghazali.

Perlawanan akhir itu dimenangi 19 RAMD Mekanis dengan jaringan 2-1.

Tuanku Abdul Halim kemudian berkenan menyampaikan hadiah kepada pemenang.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1048282>